

Bersama: Wendy Lee, Pakar Perunding Imej dan Kecantikan  
Penyelaras: Lana Mahbob

**ISU** MAC membantu si muka lonjong, bujur sireh dan segi empat merias wajah untuk penampilan menarik. Ikuti tip dan idea Wendy Lee untuk tampil anggun sama ada di majlis istimewa atau bersantai pada hujung minggu.



# WAJAH PESONA PERIBADIMU



## Bentuk Lonjong

### Ciri-ciri Utama:

Jika dilihat pada tepi muka, wajah berbentuk lonjong berukuran tegak dari sisi mata hingga rahang.

Bentuk lonjong secara asasnya adalah bentuk bujur yang dipanjangkan. Kebanyakan orang tersalah anggap bentuk lonjong sebagai bujur. Tetapi jika kedua-dua bentuk diletakkan bersama-sama, kita boleh nampak perbezaan ketara.

### Dandanan rambut

Untuk penampilan menarik, anda perlu menambah ketinggian pada kepala dan kelebaran pada tulang pelipis. Ini mengimbangi bentuk muka. Untuk melembutkan lagi paras, anda dinasihatkan memilih dandanan rambut yang berlapis. Jauhi daripada gaya rambut panjang berbelah tengah. Rambut yang digunting pendek pada pelipis juga tidak digalakkan.



### Kaca Mata

Cuba elakkan rangka kaca mata yang berbucu. Pilihlah kaca mata yang akan menggalakkan orang memandang pada aras atas, seperti kaca mata berbingkai emas.

### Anting-anting

Sebagai panduan umum, pilihlah anting-anting yang melebar daripada yang melurus. Anting-anting seperti titisan air mata, bentuk bulat, bentuk kipas, bentuk bujur boleh membangkitkan gaya menawan!

### Perhiasan leher

Wanita berwajah lonjong amat sesuai memakai coker. Ini akan memutuskan ilusi panjang seluruh muka.

## Muka Berbentuk Bujur Sirih

### Ciri Utama

Bentuk bujur sirih kelihatan paling lebar di bahagian pipi dan paling sempit di dagu serta dahi.

### Dandanan rambut

Tujuan dandanan rambut untuk bentuk bujur sirih adalah untuk melebarkan dahi dan rahang, tanpa menambah keluasan pada tulang pelipis. Kalau berambut panjang, anda perlu menambah keluasan pada rahang. Sebagai panduan, elakkan berambut terlalu pendek berbelah tengah atau rambut yang menebal di tepi telinga.

### Kaca mata

Bentuk kaca mata sesuai adalah yang mengecil di sebelah atas, lebar di bawah. Pilihlah bingkai yang lembut atau memberi tumpuan sebelah atas mata.

### Anting-anting

Anda boleh memilih pelbagai bentuk perhiasan telinga seperti mana wanita bermuka bujur. Anting-anting berbucu juga sesuai dengan wajah ini.



## Muka Berbentuk Segi Empat

### Ciri Utama

Muka bentuk segi empat kelihatan lurus dari kedua-dua belah dahi and sepanjang garis sisi wajah. Bentuk dagu nampak tegak dan berbucu. Sekiranya jarak dari dahi ke dagu sama dengan lebar muka, bentuk muka dikatakan segi empat sama.

### Dandanan rambut

Untuk melembutkan paras wajah wanita berwajah segi empat, dandanan rambut sesuai adalah yang mengurangkan keluasan bahagian dahi dan rahang. Dandanan rambut yang menambah ketinggian atau dekat dengan dahi amat sesuai. Sebagai panduan, cuba pilih stail rambut lembut dan nampak semula jadi untuk mengimbangkan penampilan. Elakkan rambut yang terlalu pendek atau 'boy cut'.

### Kaca mata

Gaya dan bentuk kaca mata sesuai adalah yang berbingkai lembut dan melengkung ke atas.

### Anting-anting

Bentuk seperti mutiara titisan air mata, subang atau berbentuk bujur adalah pilihan baik kerana ia melembutkan dan memanjangkan lagi paras rupa anda. Yang perlu diperhatikan adalah pemilihan aksesori menepati suasana, tempat dan waktu.

